

Cara menetapkan *Ikhlas* – beberapa nasihat

- ❑ Jika anda pernah lakukan amal hanya untuk mendekati Tuhan, membantu seseorang atau menunaikan solat wajib mahupun sunnat maka sedarilah anda tidak akan lepas dari godaan Syaitan dan nafsu diri (*nafs al-ammarah*) sehingga akhir hayatmu
- ❑ Anda harus berwaspada, kerana nafsu diri akan menyebabkan anda menyebarkan amal anda pada teman-teman dan orang lain, atau cuba bercerita tentangnya secara tidak langsung. Contohnya, jika anda selalu menunaikan solat malam, nafsu diri akan menggoda anda bercerita tentang cuaca pada pagi subuh atau dua-dua dan adhan *fajr*, mengotori junjunganmu dengan *riya*. Anda harus jauhi kelakuan tersebut.
- ❑ Jaga dirimu seperti seorang doctor atau jururawat, dan tidak membiarkan nafsu diri membiak; leka buat sementara sahaja akan menyebabkan nafsu ini membesar dan merosakkan niat ikhlasmu. Menyucikan niat dari segala syirik dan menunjuk-nunjuk (*riya*), sentiasa berwaspada, dan ketekunan dalam kesucian bukanlah perkara yang senang untuk dicapai.
- ❑ Ingatkan diri sendiri atas kewajipanmu dan nilai kelakuan dan niatmu dengan berdasarkan ayat suci Qur'an: *Katakanlah: "Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam."* (6:162).
- ❑ Selagi terlalu cinta kepada diri, cinta kepada kedudukan, walaupun dalam mencari ilmu agama atau kehebatan rohani, ia hanya akan menyebabkan kepentingan diri. Berpaling kepada Tuhan dan berpaling kepada diri sendiri tidak boleh bersatu. Hakikatnya, jika hanya mencari Tuhan untuk kepentingan diri, akhirnya semuanya dilakukan kerana kecintaan diri. [Al-Khumayni, *Forty Hadith*, babak 20, ms.8]

Kesimpulan:

Langkah pertama berjalan menuju Tuhan adalah membuang kecintaan diri dan memijak kepentingan diri di bawah telapak kaki. Jika hati itu bersih dari kecintaan diri, kecintaan Tuhan akan memenuhinya dan akan menjadi suci dari *syirik (ketinggian diri)*.

Nabi Muhammad (s) bersabda: **"Barang sesiapa yang beribadah kepada Tuhan selama 40 hari, ketinggian ilmu akan mengalir dari hati ke lidahnya."** [Al-Suyuti, *al-Durr al-Manthur*, jil.2, ms. 237]

Untuk keterangan lebih lanjut tentang Islam, lungsuri:

<http://al-islam.org/faq/>

Sesungguhnya Kami menurunkan Al-Quran ini kepadamu (wahai Muhammad) dengan membawa kebenaran; oleh itu hendaklah engkau menyembah Allah dengan mengikhhlaskan segala ibadat dan bawaanmu kepadaNya
(Qur'an, 39:2)

Prophet Muhammad (s) bersabda: "Sesungguhnya kebenaran mempunyai hakikat dan seorang hamba tidak akan mencapai *Ikhlas* melainkan dia tidak senang dengan pujian orang atas ibadahnya, yang hanya untuk mendekati Tuhan".

[Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, jil. 72, p.304, hadis # 51]

Kesucian dalam Jiwa ...

Ikhlas

Imam Ja'far al-Sadiq (a), ketika menerangkan surah "*Dialah yang melihat siapakah di antara kamu yang lebih baik amalnya.*" (67:2) berkata: "Ia tidak bermakna siapa yang mempunyai amal yang lebih tetapi yang paling jujur dalam kelakuan, dan kejujuran ini tanda takut pada Allah swt dan keikhlasan dalam niat (*niyyah*) dan ketakutan." Beliau (a) bertambah: "Untuk melakukan ibadah dengan keikhlasan lebih sukar dari kelakuan itu tersebut, dan keikhlasan hanya tulen jika seseorang itu hanya mengharapkan keredhaan Allah swt, dan niat mendahului perbuatan. Sesungguhnya niat itu merupai tindakan." Lalu beliau membaca surah al-Quran, "Tiap-tiap seorang beramal menurut pembawaan jiwanya sendiri (*shakilatihi*)", (17:84) lalu menambah, "Makna *shakilah* adalah *niyyah*."

[Al-Kulayni, *al-Kafi*, jil. 2, kitab *al- iman wa al-kufr*, bab *al-ikhlas*, hadis # 4]

Hakikat tentang *Ikhlas*

Keikhlasan dalam niat, perbuatan dan kegigihan adalah cinta dan perkhidmatan tinggi kepada Tuhan. *Ikhlas* dijelaskan seperti berikut:

- Musafir yang agung dan berwibawa, Khwajah `Abd Allah al-Ansari (qs) berkata: "***Ikhlas* bermaksud membersihkan keruh dalam perbuatan.**" Yang 'keruh' adalah keinginan untuk menyenangkan hati sendiri dan hati makhluk lain.
- Yang berilmu, Shaykh al-Baha'i (ra) berkata bahawa insan yang bernaluri (*mencintai Allah swt dari hati*) menyatakan: "***Ikhlas* bererti melakukan sesuatu dengan hanya mengingati Tuhan tanpa mengharapkan balasan di dunia ataupun akhirat.**"

Nabi Muhammad (s) bersabda bahawa Allah (swt) berfirman: "***Ikhlas* adalah rahsia dari rahsiaKu dan terletak di dalam hati insan yang dicintaiKu.**" [Al-Majlisi, *Bihar al-Anwar*, jil. 70, ms 249, hadis # 24]

Siapakah *Mukhlisun* (si ikhlas) ?

Yang Maha Agung telah menjemput hambaNya kepadaNya dengan perintah membersihkan diri dari perkara selain Tuhan dan membuat mereka berpaling hanya kepadaNya.

- *Mukhlisun* menyembah Tuhan tanpa memikirkan tentang perkhidmatan mereka mahupun munghiraukan perkara atau makhluk lain, justeru mereka dan perbuatan mereka hanya untuk Allah swt. Cinta mereka adalah '*din*' yang dipilih oleh Yang Maha Berkuasa, bersih dari kotoran makhluk lain, dan Dia berfirman: Ingatlah! kepada Allah ialah segala ibadat dan bawaan (*al-din al-khalis*). (39:3)
- Urafa terhormat al-Shaykh al-Muhaqqiq Muhyi al-Din Ibn al-`Arabi menyatakan: 'Sesungguhnya kepada Tuhan adanya kesetiaan yang ikhlas,' bebas dari perasaan megah. Dan pepadaman rasa ini harus kesemuanya, AkarNya; SifatNya, TindakanNya harus menjadi tidak penting kepadamu. Sesungguhnya, sehingga kesetiaan ini tidak dipadan dengan hakikat, ia bukan kepunyaan Tuhan."

Junjungan dari yang ikhlas adalah cetakan perwujudan (*tajalliyat*) Yang Maha Penyangg dan tiada lain memenuhi hati mereka selain Kebesaran Tuhan.

Ikhlas mengikuti kelakuan

Seseorang itu harus berwaspada kerana mungkin terjadinya dimana dia mula melakukan sesuatu tanpa megah dan *riya'* (menunjuk) atau '*ujb* (terlalu cinta diri) tetapi selepas perbuatan itu dia menjadi *riya'* dengan menyebarkan perkara

dilakukan kepada orang lain, seperti dikatakan hadis tersebut:

- Imam al-Baqir (a) berkata: "Ketekunan dalam kelakuan lagi sukar dari perbuatan itu sendiri." Beliau ditanya, "Apa yang dimaksudkan ketekunan dalam kelakuan?" Beliau (a) menjawab, "Seseorang melakukan kebaikan untuk mendekati Tuhan Maha Esa. Justeru pahala kerana melakukan amalan dalam senyap ditulis untuknya. Kemudian dia menyebarkan amalan itu, menyebabkan pahala tadi ditarik balik dan pahala melakukan amalan dengan terbuka dituliskan untuknya. Kemudian, apabila dia menyebarkannya lagi, tanda *riya'* (menunjuk) ditulis untuk dirinya (mengganti pahala yang didapatinya)." [Al-Kulayni *al-Kafi*, kitab *al-'iman wa al-kufr*, bab *al-riya'*, hadis # 16]

Hakikat kelakuan adalah niat

- Niat yang ikhlas dan sebab yang suci memastikan kesempurnaan '*ibadat* (worships) dan sama ada ianya tulen ataupun tidak. Sifat rohani mengelilingi keperibadian dan niat jiwa, yang diikuti kelakuan, kepentingannya hanya tempat kedua. Selagi terlalu cinta diri sendiri dan suka menindas orang, dia bukan berjalan kepada Tuhan (*musafir ila Allah* adalah yang bergantung kepada dunia (*mukhalladun ila al-'ard*). *Shirk* dalam '*ibadah*' yang sangat terbesar adalah memuaskan hati makhluk lain atas Tuhan, sama ada hati sendiri atau orang lain. Jika untuk kepuasan orang lain, ia adalah *shirk* terbuka dan fiqhi *riya'*. Jika untuk kepuasan sendiri (*rida*), ia adalah *shirk* tersembunyi. Pada pendapat '*urafa'* (gnostics) ini merosakkan dan tidak diterima Tuhan. Contoh-contoh adalah seperti menunaikan solat malam (*tahajjud*) untuk menambah rezki, begitu juga dengan memberi *zakat*; Walaupun '*ibadat* itu perkara baik, dan yang melakukannya dianggap sebagai pengikut yang bagus dan menunaikan kehendak *shari'ah*, ia bukan bererti junjungan ikhlas kepada Tuhan, ataupun disifatkan sebagai mempunyai niat yang ikhlas dan suci. Sebenarnya '*ibadat* ini ditunaikan untuk mencapai perkara dunia. Justeru kelakuannya itu tidak sah.
- Jika seseorang membuang cinta untuk dunia dengan mempunyai disiplin diri dan menjauhi keinginan yang tidak penting, dia akan tetap dengan pendiriannya, batin mahupun zahir. Dan jika seseorang itu meninggalkan keinginan dunia dan berpindah kepada God seperti tersurat dalam Quran: *Sesiapa yang keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan RasulNya, kemudian ia mati (dalam perjalanan), maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah, (4:100)* dan memulakan jalan rohani, dan menjalani kemusnahan seluruhnya (*fana'-e tamm*), ganjarannya hanya dengan Tuhan, Yang Maha Esa.